	TP1	Memberitahu maksud kedudukan relatif	11		
	TP2	Menjelaskan kedudukan sesuatu tempat berdasarkan kedudukan relatif	11, 12		
	TP3	Mengenal pasti kedudukan relatif sesuatu tempat berdasarkan latitud dan longitud	14		
	TP4	Mengesahkan kedudukan sesuatu tempat secara relatif dan berdasarkan latitud dan longitud	14		
	TP5	Menentukan lokasi sesuatu tempat pada peta berdasarkan latitud dan longitud yang diberi dengan menggunakan atlas	14		
	TP6	Menggabungkan pengetahuan dan kemahiran dalam menentukan kedudukan lokasi yang baharu secara relatif dan berdasarkan latitud dan longitud dengan menggunakan pelbagai media	15		

### Tahap Penguasaan Bab 2

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

**3**  
PETA LAKAR

	TP1	Menyatakan ciri-ciri peta latar	20		
	TP2	Memberi contoh simbol yang terdapat dalam peta latar	21		
	TP3	Mengenal pasti simbol pandang darat fizikal dan pandang darat budaya	22		
	TP4	Melakar peta dengan ciri-ciri peta dan simbol yang lengkap	23		
	TP5	Melakar peta kawasan persekitaran sekolah yang lengkap dengan ciri-ciri peta, simbol pandang darat fizikal serta pandang darat budaya	24		
	TP6	Melakar peta kawasan persekitaran sekolah yang lengkap dengan ciri-ciri peta, simbol pandang darat fizikal serta pandang darat budaya dan memperseimbahkannya	24		

### Tahap Penguasaan Bab 3

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>4</b>  LAKARAN PETA MALAYSIA	TP1	Menyatakan negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia berdasarkan peta	29		
	TP2	Mengenal pasti ibu negeri, ibu negara dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan berdasarkan peta	30		
	TP3	Melakar peta Malaysia tanpa melabel negeri-negeri, Wilayah Persekutuan, ibu negeri, ibu negara dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan berpandukan peta sebenar	31		
	TP4	Melakar peta Malaysia dan melabel negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan berpandukan peta sebenar	31		
	TP5	Melakar peta Malaysia dan melabel negeri-negeri, Wilayah Persekutuan, ibu negeri, ibu negara dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan berpandukan peta sebenar	31		
	TP6	Melakar peta Malaysia dan melabel negeri-negeri, Wilayah Persekutuan, ibu negeri, ibu negara dan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang lengkap berpandukan peta sebenar	31		

**Tahap Penguasaan Bab 4**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN					
<b>5</b>  BUMI	TP1	Menamakan sistem fizikal dan struktur bumi	36, 37		
	TP2	Menjelaskan sistem fizikal dan struktur bumi	36, 37		
	TP3	Menerangkan struktur bumi dan sistem fizikal bumi dengan memberi contoh tiga benua, tiga lautan, satu laut utama dan satu selat	38		
	TP4	Menerangkan kejadian kesan pergerakan kerak bumi di benua dan lautan	39		
	TP5	Membincangkan kesan pergerakan kerak bumi di sesuatu kawasan	40		
	TP6	Menghasilkan karya kreatif dan menunjukkan keaslian dengan menggunakan pelbagai media berkaitan tajuk bumi	40		

**Tahap Penguasaan Bab 5**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

BENTUK MUKA BUMI					
<b>6</b>	TP1	Menyatakan empat bentuk muka bumi di Malaysia	47		
	TP2	Memberi contoh pelbagai bentuk muka bumi berdasarkan peta Malaysia	48, 49		
	TP3	Mengenal pasti kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia	50		
	TP4	Menghuraikan dengan contoh kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia	51		
	TP5	Membandingkan kepentingan antara pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia	52		
	TP6	Menjana idea tentang potensi pelbagai bentuk muka bumi di persekitaran atau mana-mana kawasan di Malaysia dengan menggunakan pelbagai media	53		

**Tahap Penguasaan Bab 6**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

SALIRAN					
<b>7</b>	TP1	Menyenaraikan pandang darat fizikal di setiap peringkat aliran sungai	59		
	TP2	Mengenal pasti nama dan lokasi sungai atau tasik utama berdasarkan peta Malaysia	60		
	TP3	Menjelaskan kepentingan sungai atau tasik utama di Malaysia	61		
	TP4	Menghuraikan dengan contoh kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia	61		
	TP5	Membandingkan kepentingan sungai dan tasik utama di Malaysia	62		
	TP6	Mempersembahkan idea tentang potensi sungai atau tasik di persekitaran atau mana-mana kawasan di Malaysia dengan menggunakan pelbagai media	62		

**Tahap Penguasaan Bab 7**

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN</b>					
<b>8</b>  <b>PENDUDUK DI MALAYSIA</b>	TP1	Menyatakan taburan penduduk di Malaysia	68		
	TP2	Melabel taburan penduduk pada peta Malaysia	68		
	TP3	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia	69		
	TP4	Menerangkan dengan contoh faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia	70		
	TP5	Membandingkan faktor penduduk padat dan penduduk jarang di Malaysia	71		
	TP6	Mencadangkan langkah-langkah mengurangkan kesan negatif taburan penduduk di kawasan setempat atau mana-mana kawasan di Malaysia	72		
<b>Tahap Penguasaan Bab 8</b>		TP 1 <input type="button" value="_____"/>	TP 2 <input type="button" value="_____"/>	TP 3 <input type="button" value="_____"/>	TP 4 <input type="button" value="_____"/>
<b>9</b>  <b>PETEMPATAN DI MALAYSIA</b>	TP1	Menyatakan jenis petempatan dan pola petempatan di Malaysia	79, 80		
	TP2	Memberi contoh jenis petempatan di Malaysia	79		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh jenis dan pola petempatan di Malaysia	80		
	TP4	Menerangkan jenis dan pola petempatan serta membezakan fungsi petempatan bandar dan luar bandar di Malaysia	81		
	TP5	Menjelaskan jenis, pola dan fungsi petempatan kawasan persekitaran masing-masing	82		
	TP6	Mencadangkan idea petempatan lestari di kawasan persekitaran masing-masing pada masa hadapan	82		
<b>Tahap Penguasaan Bab 9</b>		TP 1 <input type="button" value="_____"/>	TP 2 <input type="button" value="_____"/>	TP 3 <input type="button" value="_____"/>	TP 4 <input type="button" value="_____"/>
<b>GEOGRAFI KAWASAN: ASIA TENGGARA</b>					
<b>10</b>  <b>BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN DI ASIA TENGGARA</b>	TP1	Menyatakan nama negara-negara di Asia Tenggara	89		
	TP2	Melabel nama negara-negara di Asia Tenggara di atas peta	89		
	TP3	Menjelaskan bentuk muka bumi, sungai dan tasik di Asia Tenggara	90, 91		
	TP4	Menjelaskan melalui contoh bentuk muka bumi, sungai dan tasik di Asia Tenggara	90, 91		
	TP5	Membandingkan bentuk muka bumi, sungai dan tasik antara dua buah negara di Asia Tenggara	92		
	TP6	Menghasilkan karya kreatif dan menunjukkan keaslian dengan menggunakan pelbagai media berkaitan bentuk muka bumi, sungai dan tasik di salah sebuah negara Asia Tenggara	92		
<b>Tahap Penguasaan Bab 10</b>		TP 1 <input type="button" value="_____"/>	TP 2 <input type="button" value="_____"/>	TP 3 <input type="button" value="_____"/>	TP 4 <input type="button" value="_____"/>

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
<b>11</b>  PENDUDUK DAN PETEMPATAN DI ASIA TENGGARA	TP1	Menyatakan taburan penduduk di Asia Tenggara	99		
	TP2	Melabelkan taburan penduduk di Asia Tenggara	99		
	TP3	Menjelaskan dengan contoh taburan penduduk berdasarkan fungsi petempatan bandar utama mana-mana negara di Asia Tenggara	100, 101		
	TP4	Menghubung kait taburan penduduk dan fungsi petempatan bandar utama mana-mana negara di Asia Tenggara	101		
	TP5	Membandingkan taburan penduduk dan fungsi petempatan bandar utama sekurang-kurangnya antara dua buah negara di Asia Tenggara	102		
	TP6	Menghasilkan karya kreatif dengan menggunakan pelbagai media berkaitan taburan penduduk dan fungsi petempatan bandar utama di salah sebuah negara Asia Tenggara	102		

Tahap Penguasaan Bab 11

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR					
<b>12</b>  SUMBER AIR	TP1	Menyatakan jenis sumber air di Malaysia	109		
	TP2	Menjelaskan jenis sumber air dan punca krisis air di Malaysia	109, 110		
	TP3	Menjelaskan jenis sumber air, punca dan kesan krisis air di Malaysia	110, 111		
	TP4	Menghuraikan dengan contoh jenis sumber air, punca dan kesan krisis air di Malaysia	110, 111		
	TP5	Menjelaskan jenis sumber air, punca dan kesan krisis air, serta mencadangkan langkah-langkah mengurangkan kesan krisis air secara bijaksana di Malaysia	110, 112		
	TP6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi sebagai amalan penggunaan air secara bijaksana	112		

Tahap Penguasaan Bab 12

TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6


SISA DOMESTIK					
<b>13</b>  SISA DOMESTIK	TP1	Menyatakan jenis dan contoh sisa domestik di Malaysia	118, 119		
	TP2	Menjelaskan jenis dan contoh sisa domestik, serta kesan pembuangannya di Malaysia	118, 119		
	TP3	Menerangkan jenis, contoh sisa domestik dan kesan pembuangannya berserta contoh	118, 120		
	TP4	Menerangkan jenis sisa domestik, kesan pembuangannya berserta contoh dan menghuraikan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara berkesan	120		
	TP5	Menerangkan jenis sisa domestik, kesan pembuangan dan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara bijaksana di kawasan setempat	121		
	TP6	Menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi sebagai amalan pengurusan sisa domestik secara bijaksana	122		

Tahap Penguasaan Bab 13


TP 1  TP 2  TP 3  TP 4  TP 5  TP 6

**BAB****1****KUASAI Nota Pintas****»» 1.1 Arah Mata Angin**

- Arah** ialah **hala tuju** sesuatu tempat dari sesuatu tempat yang lain.
- Terdapat lapan arah mata angin. Empat arah mata angin utama dan empat arah mata angin perantaraan.

*Lapan arah mata angin***»» 1.2 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Matahari**

- Matahari** dapat digunakan sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin.

*Menentukan arah mata angin berpandukan matahari*

Berdiri di kawasan lapang dengan menghadap ke arah matahari terbit.

Arah di hadapan anda ialah timur. Arah di belakang anda ialah barat.

Dekakan kedua-dua belah tangan anda. Tangan kiri menghala ke arah utara.

Tangan kanan anda menunjukkan arah selatan.

**Arah****»» 1.3 Cara Menentukan Arah Mata Angin Menggunakan Kompas**

- Kompas** digunakan untuk menentukan arah sesuatu tempat dengan mudah dan tepat.
- Kompas terdiri daripada **perumah**, **pemuka** dan **jarum kompas**.

*Kompas magnetik*

- Langkah-langkah menentukan arah menggunakan kompas magnetik:

Berdiri menghadap objek yang hendak ditentukan arahnya.

Letakkan kompas pada permukaan yang rata dan jauh daripada objek besi.


Orientasikan kompas secara perlahan-lahan hingga jarumnya menunjukkan ke arah utara.

Halakan pandangan mata ke arah objek tersebut.

Tentukan arah objek tersebut berpandukan kompas magnetik.

**»» 1.4 Bearing Sudutan**

- Bearing** ialah arah sesuatu tempat dari suatu **titik rujukan**.
- Bearing dinyatakan dalam nilai **darjah** ( $^{\circ}$ ).
- Bearing sudutan sesuatu tempat diukur menggunakan **jangka sudut** dari arah utara, iaitu dari  $0^{\circ}$  mengikut pusingan jam.

*Nilai sudut bearing sudutan ialah antara  $0^{\circ}$  hingga  $360^{\circ}$*


SP 1.1.1 Mengenal pasti lapan arah mata angin

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan arah mata angin utama dan arah mata angin perantaraan. TP1




Nota

Arah Mata Angin




2. Lengkapkan rajah di bawah dengan **lapan** arah mata angin. TP1



SP 1.1.2 Menggunakan matahari sebagai panduan untuk menentukan arah mata angin


3. Berdasarkan rajah di bawah, nyatakan arah tempat-tempat yang berikut dengan berpandukan arah matahari terbit. **TP 2**



Hotel



Matahari terbit




Balai polis



Pejabat pos



Pangsapuri



Stesen minyak



Bengkel kereta



Sekolah

Tempat	Arah	Tempat	Arah
(a) Matahari terbit	Timur	(e) Bengkel kereta	Barat
(b) Hotel	Timur laut	(f) Sekolah	Barat daya
(c) Pejabat pos	Utara	(g) Pangsapuri	Selatan
(d) Stesen minyak	Barat laut	(h) Balai polis	Tenggara

4. Isi tempat kosong dengan jawapan yang **betul**.


- (a) Bumi berputar pada paksinya dari barat ke timur.
- (b) Matahari terbit di sebelah timur dan terbenam di sebelah barat.
- (c) Jika anda berdiri menghadap ke arah matahari terbit:
- (i) arah di hadapan anda ialah timur
  - (ii) arah di belakang anda ialah barat
  - (iii) tangan kiri anda akan menunjukkan arah utara
  - (iv) tangan kanan anda akan menunjukkan arah selatan

SP 1.1.2






SP 1.1.3 Menggunakan kompas untuk menentukan arah mata angin

5. Tuliskan nombor mengikut urutan yang **betul** untuk menentukan arah mata angin menggunakan kompas dalam foto yang diberi. **TP 3**

- 1 Berdiri menghadap objek yang anda ingin tentukan arah.
- 2 Letakkan kompas pada permukaan yang rata.
- 3 Orientasikan kompas dengan memusingkan kompas perlahan-lahan sehingga jarum kompas menunjukkan arah utara.
- 4 Tentukan arah objek tersebut dengan berpaduan kompas.



6. Berdasarkan kompas yang telah diorientasikan pada rajah di bawah, tentukan arah tempat-tempat yang berikut. **TP 4**



Tempat	Arah	Tempat	Arah
(a) Stesen minyak	Barat laut	(e) Pangsapuri	Tenggara
(b) Balai polis	Barat	(f) Pejabat pos	Timur
(c) Sekolah	Barat daya	(g) Bengkel kereta	Timur laut
(d) Bank	Selatan	(h) Hotel	Utara

SP 1.1.3

**KUASAI**  
**PBD**  
**FORMATIF**
**1.4 | Bearing Sudutan**


Buku Teks ms. 6 – 8

SP 1.1.4 Mengukur bearing sudutan pada peta dengan menggunakan jangka sudut


7. Susun langkah-langkah mengukur bearing sudutan titik Q dari titik P mengikut urutan yang **betul** dengan menulis **1, 2, 3, 4** dan **5** pada petak yang disediakan.

(a) Mengukur bearing sudutan dari utara $0^\circ$ ke garisan PQ.	5
(b) Letakkan pusat jangka sudut pada titik rujukan.	4
(c) Lukis garisan lurus yang menyambungkan titik P dan titik Q.	2
(d) Tentukan titik P dan titik Q.	1
(e) Tentukan titik P sebagai titik rujukan.	3

8. Dengan menggunakan jangka sudut, ukur bearing sudutan bagi titik-titik yang berikut dari titik **P**. **TP 4**



9. Lukis bearing sudutan berdasarkan maklumat yang diberi. **TP 4** **KBAT** **Mengaplikasi**



SP 1.1.4

10. Berdasarkan peta di bawah, nyatakan arah mata angin dan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut. **TP 5** **KBAT** Mengaplikasi



Tempat	Arah	Bearing sudutan
(a) Rumah Asmadi dari rumah Rozalina	Barat daya	230°
(b) Hotel Lee dari Tasik Emas	Timur laut	53°
(c) Restoran dari sekolah	Tenggara	170°
(d) Bukit Jarum dari masjid	Barat laut	286°
(e) Pasar raya dari Hotel Lee	Barat daya	233°

11. Jalankan aktiviti di bawah. **TP 6** **KBAT** Mengaplikasi



Nota  
Mengukur Bearing Sudutan

**AKTIVITI PAK-21**

**Kerja Lapangan**

**Tajuk:** Menentukan arah dan bearing sudutan tempat tertentu dari titik rujukan

**Alatan:** Pen, pembaris, kertas A4, jangka sudut, buku catatan, kompas magnetik

**Langkah-langkah:**

1. Tentukan titik rujukan yang sesuai untuk dijadikan stesen anda.
2. Letakkan kompas magnetik di permukaan yang rata.
3. Pastikan tidak ada sebarang objek besi atau magnet lain yang berhampiran dengan kompas.
4. Halakan pandangan mata melalui pusat kompas ke arah tempat yang hendak ditentukan arahnya.
5. Baca arah dengan berpandukan kompas magnetik. Isi arah dalam jadual seperti di bawah.
6. Kemudian, lakarkan kedudukan tempat-tempat tadi di atas kertas A4.
7. Dengan menggunakan jangka sudutan, anggarkan bearing sudutan tempat-tempat tadi.

Contoh jadual:

Dewan dijadikan titik rujukan

Tempat	Arah dati titik rujukan	Bearing sudutan
Makmal sains		
Kantin		
Bilik guru		





# PRAKTIS REFLEKSI Bab 1

eP+ Praktis Ekstra  
Bab 1



1. Lengkapkan ayat di bawah tentang arah mata angin.

- (a) Arah ialah hala tuju sesuatu tempat dari suatu tempat yang lain.  
 (b) Empat arah mata angin utama ialah Utara, Selatan, Timur, Barat.  
 (c) Empat arah mata angin perantaraan ialah Timur Laut, Tenggara, Barat Daya, dan Barat Laut.

2. Susun ikut urutan langkah-langkah untuk menentukan arah mata angin berpandukan matahari. Tandakan **1**, **2**, **3** dan **4** pada petak yang disediakan.

- (a) Depakan kedua-dua belah tangan. 3  
 (b) Berdiri menghadap ke arah matahari terbit. 1  
 (c) Tangan kanan menunjukkan arah selatan, tangan kiri menunjukkan arah utara. 4  
 (d) Arah di hadapan ialah timur, arah di belakang ialah barat. 2

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

- (a) Kompas digunakan untuk menentukan arah dengan tepat.  
 (b) Jarum kompas sentiasa menunjuk ke arah utara.  
 (c) Kompas terdiri daripada jarum kompas, perumah dan pemuka.  
 (d) Untuk mendapatkan bacaan yang tepat, kompas perlu diletakkan pada permukaan yang rata.  
 (e) Semasa mengorientasikan kompas, pastikan anda menjauhi objek besi.


4. Gariskan jawapan yang **betul**.

- (a) Bearing ialah arah sesuatu tempat dari satu (titik rujukan, utara).  
 (b) Bearing sudutan diukur dari arah utara mengikut (arah, lawan) pusingan jam.  
 (c) Bearing sudutan dinyatakan dalam nilai (darjah, peratus).  
 (d) Bearing sudutan diberi nilai  $0^\circ$  hingga ( $90^\circ$ ,  $360^\circ$ ).  
 (e) Bearing sudutan diukur dengan menggunakan (jangka sudut, jangka lukis).

5. Nyatakan bearing sudutan mengikut arah mata angin utama.

- |             |                               |           |   |
|-------------|-------------------------------|-----------|---|
| (a) Timur   | <u><math>90^\circ</math></u>  | (c) Barat | <u><math>270^\circ</math></u>           |
| (b) Selatan | <u><math>180^\circ</math></u> | (d) Utara | <u><math>360^\circ / 0^\circ</math></u> |

6. Berdasarkan rajah di bawah, nyatakan bacaan bearing sudutan.




- (a) Bearing sudutan bagi titik **P** ialah  $55^\circ$ .  
 (b) Bearing sudutan bagi titik **Q** ialah  $115^\circ$ .  
 (c) Bearing sudutan bagi titik **R** ialah  $150^\circ$ .

# KUASAI UASA

## PRAKTIS SUMATIF

### BAHAGIAN B

**Soalan 1** berdasarkan Rajah 1.



Rajah 1

1. (a) Namakan arah mata angin yang berikut.

Buku Teks  
ms. 2

P : Utara  
Q : Barat

R : Tenggara  
S : Timur Laut

Aras Rendah [4 markah]

- (b) Nyatakan bearing sudutan bagi arah mata angin yang berikut.

Buku Teks  
ms. 6

A :  $315^\circ$   
B :  $90^\circ$

C :  $180^\circ$   
D :  $225^\circ$

Aras Sederhana [8 markah]

- (c) Terangkan cara menentukan arah mata angin berpandukan matahari.

Buku Teks  
ms. 3

Berdiri menghadap ke arah matahari terbit.

Arah di hadapan adalah timur dan arah di belakang adalah barat.

Dapatkan kedua-dua tangan. Tangan kiri menunjukkan arah utara.

Tangan kanan menunjukkan arah selatan.

Aras Sederhana [4 markah]


- (d) Aliyah sedang berdiri sambil mendepakan tangan dan menghadap ke arah matahari terbenam. Nyatakan arah di

Buku Teks  
ms. 3

- (i) hadapan Aliyah: Barat
- (ii) belakang Aliyah: Timur
- (iii) sebelah kanan Aliyah: Utara
- (iv) sebelah kiri Aliyah: Selatan

Aras Rendah [4 markah]

## Soalan 2 berdasarkan Rajah 2.



Rajah 2

2. (a) Nyatakan arah mata angin tempat-tempat yang berikut.

Buku Teks ms. 2

(i) Tasik dari pasar raya: Tenggara(ii) Rumah John dari stesen minyak: Barat(iii) Hospital dari stadium: Timur laut

Aras Rendah [6 markah]

- (b) Nyatakan arah mata angin tempat-tempat yang berikut dari pasar raya.

Buku Teks ms. 2

(i) Pangsapuri: Timur laut(ii) Rumah John: Barat daya(iii) Balai polis: Barat laut(iii) Pejabat pos: Timur

Aras Rendah [4 markah]

- (c) Dengan menggunakan pejabat pos sebagai titik rujukan, nyatakan bearing sudutan bagi tempat-tempat yang berikut.

Buku Teks ms. 6-8

(i) Rumah John:  $250^\circ$ (ii) Pangsapuri:  $54^\circ$ (iii) Sekolah:  $337^\circ$ 

Aras Sederhana [6 markah]

- (d) Lokasi yang manakah berkaitan dengan nilai bearing sudutan di bawah?

Buku Teks ms. 6-8

(i)  $333^\circ$  dari tasik: Hospital(ii)  $122^\circ$  dari pasar raya: Tasik Biru

Aras Tinggi [4 markah]

Kuiz Gamifikasi



Bab 1

**BAB****6****KUASAI Nota Pintas****Bentuk Muka Bumi****»» 6.1 Bentuk Muka Bumi di Malaysia****1. Tanah tinggi**

- (a) Ketinggian melebihi 180 meter dari aras laut.
- (b) Merangkumi banjaran gunung dan dataran tinggi.
- (c) Terjadi akibat proses **lipatan** kerak bumi.
- (d) Terletak di bahagian tengah Semenanjung Malaysia serta pedalaman Sabah dan Sarawak.
- (e) Mempunyai suhu yang rendah, kira-kira 19°C.

**2. Tanah pamah**

- (a) Ketinggian kurang daripada 180 meter dari aras laut.
- (b) Terdapat di lembangan sungai, dataran, delta dan dataran pantai.
- (c) Kebanyakan dataran dan delta yang luas terletak di sepanjang pantai.

**3. Pinggir laut**

- (a) Kira-kira 4 800 km panjang.
- (b) Laut di sekeliling Malaysia adalah **cetek** kerana terletak di atas **pentas benua** yang dikenal sebagai Pentas Sunda.
- (c) Terdapat ciri fizikal seperti teluk, tanjung, pantai, tebing tinggi dan gerbang laut.

**4. Saliran**

- (a) Sungai dan tasik.
- (b) Mempunyai banyak sungai kerana menerima hujan lebat sepanjang tahun.
- (c) Kebanyakan sungai berpunca dari kawasan tадahan di banjaran gunung.
- (d) Terdapat juga tasik semula jadi dan tasik buatan manusia.

**»» 6.2 Lokasi Pelbagai Bentuk Muka Bumi di Malaysia Tanah Tinggi**

**1.** Kira-kira 60% daripada muka bumi Malaysia terdiri daripada tanah tinggi yang melebihi 180 meter dari aras laut.

**2.** Banjaran utama di Semenanjung Malaysia:

- Banjaran Titiwangsa
- Banjaran Tahan
- Banjaran Bintang
- Banjaran Benom

**3.** Banjaran di Sarawak:

- Banjaran Tama Abu
- Pergunungan Iran
- Banjaran Kapuas Hulu

**4.** Banjaran di Sabah:

- Banjaran Crocker
- Banjaran Trus Madi
- Banjaran Brassey

**5. Gunung di Semenanjung Malaysia:**

- Gunung Tahan (2 187 m)
- Gunung Korbu (2 182 m)
- Gunung Bintang (1 862 m)

**6. Gunung di Sarawak:**

- Gunung Api (1 750 m)
- Gunung Murud (2 438 m)

**7. Gunung di Sabah:**

- Gunung Kinabalu (4 095 m)
- Gunung Trus Madi (2 642 m)

**Tanah Pamah**

**1.** Semenanjung Malaysia mempunyai jaluran tanah pamah di pantai barat dan pantai timur.

**2.** Tanah pamah di pantai barat Semenanjung Malaysia:

- Dataran Kedah-Perlis
- Dataran Hilir Sungai Perak
- Dataran Kerian
- Luas dan panjang serta rendah dan rata
- Diliputi **tanah aluvium** yang subur untuk kegiatan pertanian

**3.** Tanah pamah di pantai timur Semenanjung Malaysia:

- Dataran Kelantan
- Dataran Terengganu
- Sempit, terputus-putus dan berpasir
- Dilanda banjir pada musim tengkujuh

**4. Tanah pamah di Sabah:**

- Dataran di pantai timur adalah **lebih lebar** tetapi sebahagiannya **berpaya**, sesuai untuk kegiatan pertanian.
- Dataran di pantai barat adalah **lebih sempit** dan terputus-putus kerana terbentuk di kaki Banjaran Crocker, sesuai untuk kegiatan perindustrian.

**5.** Di Sarawak, **Delta Rajang** membentuk lembangan yang luas. Kegiatan pertanian merupakan kegiatan utama di kawasan ini.

**Pinggir Laut**

**1.** Terdapat pelbagai bentuk muka bumi di kawasan pinggir laut negara kita seperti tebing tinggi, tanjung, teluk, pantai dan pulau.

**2.** Pembentukan bentuk muka bumi fizikal di kawasan pinggir laut dikaitkan dengan proses **hakisan** dan **pemendapan** ombak.

- Pantai – terbentuk hasil pemendapan di pinggir laut
- Teluk – pinggir laut yang melengkung ke daratan dan terlindung daripada tiupan angin kencang
- Tebing tinggi – daratan yang menghadap laut yang bercerun curam

- Tanjung – pinggir laut yang menganjur dari daratan
- Gua – lubang di tebing tinggi terbentuk akibat tindakan hakisan ombak
- Gerbang laut – terbentuk apabila dua gua yang bertentangan bercantum akibat hakisan ombak
- Batu tunggal – terbentuk apabila gerbang laut runtuh akibat hakisan ombak
- Batu sisa – terbentuk apabila batu tunggal mengalami hakisan berterusan

### Saliran

1. Malaysia mempunyai banyak sungai kerana menerima hujan lebat sepanjang tahun.
2. Kebanyakan sungai di Semenanjung Malaysia berpunca dari Banjaran Titiwangsa.
3. Di dataran pantai barat, sungai-sungai mengalir masuk ke Selat Melaka manakala di dataran pantai timur sungai-sungai mengalir masuk ke Laut China Selatan.
4. Di Sabah dan Sarawak, sungai berpunca dari banjaran gunung di pedalaman dan mengalir masuk ke Laut China Selatan dan Laut Sulu.
5. Sungai-sungai di Semenanjung Malaysia:
  - Sungai Muda, Sungai Perak, Sungai Bernam, Sungai Endau, Sungai Kelantan, Sungai Pahang
6. Sungai-sungai di Sarawak:
  - Sungai Rajang, Sungai Baram, Sungai Lutar
7. Sungai-sungai di Sabah:
  - Sungai Padas, Sungai Labuk, Sungai Kinabatangan, Sungai Segama

## » 6.3 Kepentingan Pelbagai Bentuk Muka Bumi di Malaysia

### Tanah Tinggi

1. Kawasan pembalakan
  - Hutan Malaysia, terutamanya tanah tinggi Sabah dan Semenanjung Malaysia menghasilkan **kayu berharga** seperti merbau, meranti, cengal dan hasil hutan lain seperti rotan dan buluh.
2. Kawasan tadahan air dan legeh
  - Kawasan tadahan air bagi beberapa batang sungai seperti Sungai Perak dan Sungai Pahang.
3. Kawasan pelancongan
  - Mempunyai **pemandangan** yang **menarik** dan suhu yang nyaman.
  - Bukit Fraser, Genting Highlands, Cameron Highlands dan Bukit Bendera.
4. Tapak penjanaan kuasa hidroelektrik
  - Menerima hujan yang banyak.
  - Empangan Chenderoh (Perak), Empangan Kenyir (Terengganu), Empangan Batang Ai (Sarawak), Empangan Tenom Panggi (Sabah).
5. Kawasan pertanian
  - Sesuai untuk menanam **tanaman hawa sederhana** seperti teh, bunga-bungaan, sayur-sayuran dan buah-buahan.
  - Cameron Highlands, Tanah Tinggi Kundasang.

### Tanah Pamah

1. Kawasan pertanian
  - Tanah pamah sangat sesuai bagi penanaman pelbagai jenis tanaman seperti padi, kelapa sawit, nanas, kelapa.
  - Contoh: Dataran Kedah-Perlis, Dataran Johor, Delta Rajang.
2. Kawasan perlombongan
  - Bijih timah, bausit, tembaga, emas.
  - Contoh: Lembah Kinta.
3. Tapak petempatan
  - Tapak petempatan, pekan dan bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Kuching dan Sandakan.
4. Tumpuan jaringan pengangkutan dan perhubungan
  - Memudahkan pembinaan jalan raya, landasan kereta api dan lapangan terbang.
  - Contoh: Lapangan terbang KLIA, Lebuhraya Utara-Selatan.
5. Tapak pembinaan kawasan perindustrian
  - Contoh: Kawasan perindustrian Perai.

### Pinggir Laut

1. Pantai berpasir
  - Kawasan pelancongan dan perkelahan
  - Kawasan penanaman kelapa
  - Contoh: Port Dickson, Pantai Cahaya Bulan
2. Pulau
  - Kawasan pelancongan
  - Contoh: Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Redang
3. Tanjung
  - Kawasan rekreasi dan pelancongan
  - Contoh: Tanjung Bidara, Tanjung Dawai
4. Teluk
  - Petempatan nelayan
  - Tapak pelabuhan
  - Kawasan perikanan
  - Kawasan perkelahan
  - Contoh: Teluk Kemang, Teluk Ramunia
5. Pentas benua
  - Kawasan perikanan
  - Kawasan perlombongan petroleum dan gas asli
  - Contoh: Luar kawasan pesisir pantai Terengganu, Sabah dan Sarawak

### Saliran

1. Bahagian hulu sungai yang beraliran deras diempangkan untuk menjana kuasa hidroelektrik. Contoh: Empangan Pergau.
2. Menjadi sempadan antarabangsa dan sempadan negeri. Contoh: Sungai Golok antara Malaysia dengan Thailand.
3. Sebagai sumber pengairan yang membolehkan penanaman padi dua kali setahun diusahakan. Contoh: Sungai Muda.
4. Kaedah pengangkutan dan perhubungan. Contoh: Sungai Rajang.

SP 2.2.1 Membincangkan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia

1. Lengkapkan maklumat di bawah tentang bentuk muka bumi di Malaysia berdasarkan foto yang diberi. **TP 1**

(a) **Pinggir laut**

- Malaysia mempunyai pinggir laut yang panjang, iaitu kira-kira 4 800 km.
- Malaysia dikelilingi Laut China Selatan, Laut Sulu, Laut Sulawesi dan Selat Melaka.
- Malaysia dikelilingi laut cetek yang terletak atas pentas benua yang dikenali sebagai Pentas Sunda.
- Terdapat pandang darat fizikal seperti pantai, teluk, tanjung, tebing tinggi, gerbang laut, batu tunggu, batu sisa, pulau dan lagun.

(b) **Tanah tinggi**

- Kawasan ketinggian melebihi 180 meter dari aras laut merangkumi banjaran gunung dan dataran tinggi.
- Kebanyakan banjaran terbentuk di bahagian tengah Semenanjung Malaysia, pedalaman Sarawak serta di barat dan tengah Sabah.
- Banjaran gunung terjadi akibat proses lipatan.
- Mempunyai suhu yang rendah, iaitu purata suhu 19°C.

(c) **Tanah pamah**


- Kawasan yang rendah dan ketinggian tidak melebihi 180 meter dari aras laut.
- Kebanyakan tanah pamah di Malaysia terdapat di lembangan sungai, dataran, delta dan dataran pantai.

(d) **Saliran**

- Merujuk kepada sungai dan tasik.
- Terdapat tasik semula jadi dan tasik buat manusia.
- Kebanyakan sungai berpunca dari kawasan tadahan hujan di kawasan tanah tinggi.

SP 2.2.2 Menentukan lokasi pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia

2. Namakan banjaran, gunung dan tanah pamah yang ditandakan pada peta di bawah. **TP 2**




Banjaran		G2	Gunung Tahan	
B1	Banjaran Titiwangsa	G3	Gunung Kinabalu	
B2	Banjaran Benom	G4	Gunung Trus Madi	
B3	Banjaran Tahan	G5	Gunung Api	
B4	Banjaran Crocker	Tanah pamah		
B5	Banjaran Trus Madi	D1	Dataran Kedah-Perlis	
B6	Banjaran Brassey	D2	Dataran Hilir Sungai Perak	
B7	Banjaran Tama Abu	D3	Dataran Kelantan	
B8	Pergunungan Iran	D4	Dataran Pantai Barat Sarawak	
B9	Pergunungan Hose	D5	Delta Rajang	
B10	Banjaran Kapuas Hulu	D6	Dataran Pantai Barat Sabah	
Gunung		D7	Dataran Pantai Timur Sabah	
G1	Gunung Korbu			




Banjaran  
Gunung

3. Berdasarkan rajah di bawah, namakan bentuk muka bumi pinggir laut. **TP 2**



4. Namakan sungai dan tasik yang ditandakan pada peta di bawah. **TP 2**

Pinggir Laut  
di Malaysia



<b>Sungai</b>		<b>S8</b>	<b>Sungai Kinabatangan</b>
<b>S1</b>	Sungai Muda	<b>S9</b>	Sungai Baram
<b>S2</b>	Sungai Perak	<b>S10</b>	Sungai Rajang
<b>S3</b>	Sungai Kelantan	<b>Tasik</b>	
<b>S4</b>	Sungai Bernam	<b>T1</b>	Tasik Chini
<b>S5</b>	Sungai Pahang	<b>T2</b>	Tasik Bera
<b>S6</b>	Sungai Endau	<b>T3</b>	Tasik Kenyir
<b>S7</b>	Sungai Padas	<b>T4</b>	Loagan Bunut

SP 2.2.3 Membandingkan kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia

5. Nyatakan kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia. **TP 3**

(a)

**Tanah tinggi**



- (i) Menjana kuasa hidroelektrik
- (ii) Penanaman tanaman hawa sederhana
- (iii) Pusat pelancongan dan peranginan
- (iv) Kawasan tadahan air

(b)

**Tanah pamah**



- (i) Kawasan pertanian
- (ii) Kawasan petempatan dan tumpuan penduduk
- (iii) Kawasan perhubungan dan pengangkutan
- (iv) Kawasan perindustrian dan perdagangan

(c)

**Pinggir laut**



- (i) Tapak pelabuhan
- (ii) Pusat pelancongan
- (iii) Kawasan perikanan
- (iv) Perlombongan

(d)

**Saliran**



- (i) Sumber pengairan
- (ii) Sempadan semula jadi
- (iii) Perhubungan dan pengangkutan
- (iv) Perikanan air tawar

**6.** Huraikan kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia. TP 4

<b>Bentuk muka bumi</b>	<b>Kepentingan</b>
(a) Tanah tinggi	<p>(i) Pertanian</p> <p><u>Kawasan tanah tinggi sesuai untuk tanaman hawa sederhana seperti sayur-sayuran, bunga-bungaan dan buah-buahan. Contohnya, penanaman sayur-sayuran di Tanah Tinggi Kundasang (Sabah).</u></p> <p>(ii) Pelancongan</p> <p><u>Kawasan tanah tinggi sesuai untuk pelancongan kerana mempunyai suhu yang nyaman dan pemandangan yang menarik. Contohnya, Bukit Bendera (Pulau Pinang) dan Gunung Kinabalu (Sabah).</u></p>
(b) Tanah pamah	<p>(i) Pengangkutan dan perhubungan</p> <p><u>Kawasan tanah pamah sesuai untuk pembinaan jaringan pengangkutan seperti jalan raya, landasan kereta api dan lapangan terbang. Contohnya, pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dan KLIA 1.</u></p> <p>(ii) Petempatan</p> <p><u>Kawasan tanah pamah yang rata serta struktur tanah yang stabil memudahkan pembinaan petempatan. Contohnya, petempatan di Kuala Lumpur, Johor Bahru (Johor) dan Alor Setar (Kedah).</u></p>
(c) Pinggir laut	<p>(i) Perikanan</p> <p><u>Kawasan pinggir laut kaya dengan hasil laut dan sesuai untuk kegiatan perikanan. Antara kawasan perikanan utama di Malaysia ialah Kuala Selangor (Selangor) dan Kuala Muda (Kedah).</u></p> <p>(ii) Perlombongan</p> <p><u>Kawasan pesisir pantai kaya dengan sumber mineral seperti petroleum dan gas asli. Sumber ini terdapat di luar pesisir pantai Terengganu, Sabah dan Sarawak.</u></p>
(d) Saliran	<p>(i) Sempadan</p> <p><u>Sungai berfungsi sebagai sempadan antarabangsa dan sempadan negeri. Contohnya, Sungai Golok merupakan sempadan antarabangsa antara negara Malaysia dengan negara Thailand.</u></p> <p>(ii) Penjanaan kuasa hidroelektrik</p> <p><u>Sungai yang beraliran deras dijadikan empangan untuk penjanaan kuasa hidroelektrik. Contohnya, Empangan Tenom Pangki (Sabah) dan Empangan Pergau (Kelantan).</u></p>

Cuba jawab Praktis Sumatif, Bhgn B, S1(c)

7. Bandingkan kepentingan antara pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia. **TP 5 (KBAT) Menilai**

**AKTIVITI PAK-21****Lawatan Galeri****Tajuk:** Perbandingan kepentingan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia**Alatan:** Kertas sebak, pen penanda pelbagai warna**Langkah-langkah:**

- Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada empat hingga lima orang.
- Setiap kumpulan mencari maklumat dan foto untuk membandingkan kepentingan antara dua bentuk muka bumi yang terdapat di Malaysia, iaitu tanah pamah, tanah tinggi, saliran dan pinggir laut.
- Setiap kumpulan boleh mencari maklumat tersebut menggunakan pelbagai media massa, buku rujukan, keratan surat khabar dan Internet.
- Rumuskan dapatan kumpulan masing-masing dalam bentuk jadual mengikut format di bawah.

**Contoh:**

<b>Bentuk muka bumi</b>	<b>Tanah tinggi</b>	<b>Tanah pamah</b>
Kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesuai untuk tanaman hawa sederhana seperti sayur-sayuran dan bunga-bungaan kerana suhu yang rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sesuai untuk pelbagai jenis tanaman seperti padi, getah dan kelapa sawit kerana kawasan yang rendah dan rata</li> </ul>
Contoh lokasi	Cameron Highlands	Dataran Kedah-Perlis
Foto		

**Info**

Tempat-tempat Menarik di Cameron Highlands, Pahang

- Setiap kumpulan perlu menampal hasil dapatan di papan putih yang disediakan dan membuat pembentangan.
- Selepas pembentangan, setiap kumpulan akan bergerak ke setiap galeri dan menambah maklumat yang berkaitan menggunakan *sticky notes*.

8. Jana idea tentang potensi pelbagai bentuk muka bumi di persekitaran tempat tinggal sendiri dengan menggunakan pelbagai media. **TP 6 (KBAT) Menganalisis**

**AKTIVITI PAK-21****PowerPoint****Tajuk:** Potensi pelbagai bentuk muka bumi di persekitaran tempat tinggal**Langkah-langkah:**

- Bahagikan kelas kepada empat hingga lima orang dalam satu kumpulan (mengikut tempat tinggal).
- Murid membuat pemerhatian di kawasan kajian untuk mengenal pasti bentuk muka bumi yang terdapat di kawasan tersebut.
- Berdasarkan pemerhatian tersebut, hasilkan laporan ringkas tentang potensi pelbagai bentuk muka bumi di kawasan kajian pada masa sekarang.
- Kemudian, murid perlu menjana idea tentang potensi pelbagai bentuk muka bumi di kawasan kajian kepada penduduk setempat.
- Murid digalakkan menggunakan pelbagai media seperti media massa dan Internet untuk mencari bahan dan mendapatkan idea.
- Setiap kumpulan perlu mempersembahkan hasil kajian mereka menggunakan *PowerPoint*.
- Bandingkan kepentingan dan potensi pelbagai bentuk muka bumi di kawasan kajian pada masa sekarang dengan pada masa hadapan.
- Guru akan menilai hasil kerja setiap kumpulan.



# PRAKTIS REFLEKSI Bab 6

eP+ Praktis Ekstra  
Bab 6



1. Lengkapkan rajah di bawah dengan bentuk muka bumi di Malaysia.



2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang **betul**.

- Tanah tinggi di Semenanjung Malaysia berpunca dari Dataran Tinggi Yunnan di pedalaman China yang merentasi Thailand.
- Banjaran Titiwangsa merupakan 'tulang belakang' Semenanjung Malaysia.
- Gunung Kinabalu yang terletak di Banjaran Crocker merupakan gunung yang tertinggi di Malaysia.
- Dataran Pantai Timur Sabah sesuai untuk kegiatan pertanian seperti tanaman kelapa sawit, getah dan koko.
- Delta Rajang membentuk lembangan yang luas di pantai barat Sarawak.

3. Tandakan (✓) pada bentuk muka pinggir laut di Malaysia.

- |           |                                     |              |                          |                   |                                     |
|-----------|-------------------------------------|--------------|--------------------------|-------------------|-------------------------------------|
| (a) Teluk | <input checked="" type="checkbox"/> | (c) Jeram    | <input type="checkbox"/> | (e) Tebing tinggi | <input checked="" type="checkbox"/> |
| (b) Pulau | <input checked="" type="checkbox"/> | (d) Tetambak | <input type="checkbox"/> | (f) Batu sisa     | <input checked="" type="checkbox"/> |

4. Tandakan (✓) pada kepentingan kawasan tanah tinggi di Malaysia.

- |                                      |                                     |
|--------------------------------------|-------------------------------------|
| (a) Penjanaan kuasa hidroelektrik    | <input checked="" type="checkbox"/> |
| (b) Penanaman tanaman hawa sederhana | <input checked="" type="checkbox"/> |
| (c) Pengangkutan dan perhubungan     | <input type="checkbox"/>            |
| (d) Perlombongan bijih timah         | <input type="checkbox"/>            |

5. Gariskan jawapan yang **betul**.

- ( Sungai Muda , Sungai Bernam ) berfungsi sebagai sempadan antara negeri Perak dengan Selangor.
- ( Sungai Kinabatangan , Sungai Endau ) digunakan untuk mengangut kayu balak.
- ( Dataran Johor, Dataran Kelantan ) sesuai untuk penanaman padi sawah.
- ( Sungai Perak , Sungai Sugut ) diempangkan untuk menjana kuasa hidroelektrik.
- Kawasan pinggir laut yang berteluk dan terlindung daripada tiupan angin kencang sesuai dijadikan (tapak pelabuhan , kawasan perlombongan gas asli ).

6. Padankan bentuk muka bumi dengan kepentingan yang **betul** dengan menulis **A**, **B**, dan **C** dan **D** pada petak yang disediakan.

<b>A</b>	Dataran Johor	<b>C</b>	Pulau Tioman
<b>B</b>	Sungai Pahang	<b>D</b>	Cameron Highlands

- Kegiatan penternakan ikan air tawar
- Suhu yang nyaman menjadi tarikan pelancong
- Sesuai untuk penanaman getah, kelapa sawit dan nanas
- Mempunyai pantai berpasir yang menggalakkan pelancongan

<b>B</b>
<b>D</b>
<b>A</b>
<b>C</b>

# KUASAI UASA

## PRAKTIS SUMATIF

### BAHAGIAN A

1. Maklumat di bawah merujuk kepada banjaran di Malaysia.

Buku Teks  
ms. 60

- Tinggi di utara dan menganjur semakin rendah ke selatan
- 'Tulang belakang' Semenanjung Malaysia

Maklumat di atas merujuk kepada

- A** Banjaran Tahan  
**B** Banjaran Crocker  
**C** Banjaran Tama Abu  
**D** Banjaran Titiwangsa

Aras Sederhana

2. Apakah gunung yang terletak di Banjaran Crocker?

Buku Teks  
ms. 61

- A** Gunung Kinabalu      **C** Gunung Tahan  
**B** Gunung Korbu      **D** Gunung Mulu

Aras Rendah

3. Antara yang berikut, yang manakah bentuk muka bumi pinggir laut kesan hakisan ombak?


Buku Teks  
ms. 64-65

- |                   |                     |
|-------------------|---------------------|
| I Teluk           | III Tombolo         |
| II Pantai         | IV Tanjung          |
| <b>A</b> I dan II | <b>C</b> II dan III |
| <b>B</b> I dan IV | <b>D</b> III dan IV |

Aras Rendah

4. Peta 1 menunjukkan kawasan tanah pamah di Malaysia.

Buku Teks  
ms. 62-63



Peta 1 MALAYSIA

- Dataran luas dan subur
- Mendapan daripada kejadian banjir

Maklumat di atas merujuk kepada kawasan yang bertanda

- A** I      **C** III  
**B** II      **D** IV

Aras Sederhana

5. Sungai yang manakah berfungsi sebagai sempadan semula jadi antara negeri Selangor dengan Perak?

Buku Teks  
ms. 70

- A** Sungai Golok      **C** Sungai Pahang  
**B** Sungai Baram      **D** Sungai Bernam

Aras Rendah

6. Maklumat di bawah menunjukkan kawasan pinggir laut di Malaysia.

Buku Teks  
ms. 71

- Kuala Muda di Kedah
- Kuala Selangor di Selangor

Antara yang berikut, yang manakah kepentingan utama kawasan tersebut?

- A** Kawasan pelancongan  
**B** Kawasan perikanan  
**C** Sumber pengairan  
**D** Tapak pelabuhan

Aras Sederhana

7. Kawasan tanah tinggi yang manakah terkenal dengan taman tema?

- A** Fraser's Hill  
**B** Bukit Bendera  
**C** Genting Highlands  
**D** Tanah Tinggi Kundasang

Aras Sederhana

8. Pernyataan di bawah berkaitan dengan kepentingan saliran.

Rancangan pengairan untuk penanaman padi di Dataran Kedah-Perlis yang membolehkan padi ditanam sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Apakah saliran tersebut?

- A** Sungai Bernam      **C** Sungai Perak  
**B** Sungai Pahang      **D** Sungai Muda

Aras Sederhana

9. Mengapa kebanyakan sungai di Semenanjung Malaysia tidak sesuai untuk pengangkutan?

- A** Pendek dan beraliran deras  
**B** Panjang dan beraliran perlahan  
**C** Cetek dan sentiasa kekurangan air  
**D** Sentiasa mengalami kejadian banjir

Aras Tinggi

10. Maklumat di bawah menunjukkan kawasan tanah pamah di Malaysia.

Buku Teks  
ms. 69

- Dataran Kelantan
- Delta Rajang

Apakah persamaan kepentingan antara kawasan tersebut?

- A** Penanaman padi  
**B** Kawasan perindustrian  
**C** Penernakian ikan air tawar  
**D** Perhubungan dan pengangkutan

Aras Sederhana

**BAHAGIAN B****Klu Soalan**

- 1(d) Perubahan guna tanah dari kawasan hutan ke ladang pertanian, penerokaan cerun, pembinaan hotel dan pembandaran membawa impak negatif di kawasan tanah tinggi.

1. (a) Senaraikan bentuk muka bumi yang terdapat di Malaysia.

Buku  
Teks  
ms. 58

Tanah tinggi

Tanah pamah

Saliran

Pinggir laut

**Aras Rendah [3 markah]**

- (b) Nyatakan **dua** banjaran yang terletak di Sabah.

Buku  
Teks  
ms. 61

Banjaran Crocker

Banjaran Trus Madi

**Aras Rendah [2 markah]**

- (c) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi yang ditunjukkan dalam Foto 1.

Buku  
Teks  
ms. 68



Foto 1

Kawasan tanah tinggi mempunyai pemandangan yang menarik sesuai untuk pelancongan.

Kawasan tanah tinggi sesuai untuk tanaman hawa sederhana.

Kawasan tanah tinggi menerima hujan banyak sesuai untuk penjanaan kuasa hidroelektrik.

**Aras Sederhana [3 markah]**

- (d) Pada pandangan anda, apakah kesan penerokaan kawasan tanah tinggi terhadap alam sekitar?

Menjejaskan keseimbangan ekosistem

Menyebabkan kejadian tanah runtuh dan hakisan tanah

**Aras Tinggi [2 markah]**


Foto 2 menunjukkan bentuk muka bumi pinggir laut.



X



Y



Z

Foto 2

2. (a) Namakan bentuk muka bumi yang bertanda

Buku Teks  
ms.  
64-65

X : Batu tunggal

Y : Gerbang laut

Z : Tebing tinggi

Aras Rendah [3 markah]

- (b) Apakah proses yang menghasilkan bentuk muka bumi dalam Foto 2?

Buku Teks  
ms.  
64-65

Hakisan ombak

Aras Rendah [1 markah]

- (c) Mengapakah kawasan pinggir laut menjadi tarikan pelancong?

Kawasan pinggir laut mempunyai pelbagai ciri fizikal yang menarik.

Pantai berpasir yang indah juga menjadi tarikan pelancong.

Tempat untuk snorkeling dan melihat ikan cantik-cantik secara langsung.

Aras Tinggi [3 markah]

- (d) Terangkan potensi pinggir laut kepada pembangunan negara selain aktiviti pelancongan.

Buku Teks  
ms. 71

Kawasan perikanan seperti aktiviti tangkapan ikan, ketam, tiram dan udang.

Kawasan perlombongan petroleum dan gas asli di luar pantai Sabah, Sarawak dan Terengganu.

Kawasan yang berteluk dan terlindung daripada tiupan angin kencang sesuai dijadikan tapak pelabuhan.

Aras Tinggi [3 markah]

## BAHAGIAN C

1. (a) Terangkan ciri-ciri tanah pamah di Malaysia.

Buku Teks  
ms.  
58,62

Kawasan tanah pamah di Malaysia merupakan kawasan yang rendah, datar atau beralun. Ketinggian kawasan tanah pamah tidak melebihi 180 meter dari aras laut. Kebanyakan kawasan tanah pamah di Malaysia terdapat di lembangan sungai, delta, dataran, dan dataran pantai. Kawasan tanah pamah diliputi tanah jenis aluvium dan sesuai untuk pelbagai kegiatan ekonomi. Contoh tanah pamah di Malaysia ialah Dataran Kedah-Perlis dan Dataran Kelantan.

Aras Sederhana [4 markah]

- (b) Huraikan kepentingan kawasan tanah pamah di Malaysia.

Buku Teks  
ms. 69

Kawasan tanah pamah di Malaysia sesuai untuk kegiatan pertanian kerana rendah dan rata serta diliputi tanah jenis aluvium. Contohnya, kegiatan penanaman padi di Dataran Kedah-Perlis. Kawasan tanah pamah yang rata serta struktur tanah yang stabil sesuai dijadikan kawasan petempatan. Contohnya, petempatan di Johor Bahru (Johor). Kawasan tanah pamah yang dilengkapi kemudahan infrastruktur berpotensi menjadi kawasan perindustrian. Contohnya, kawasan perindustrian Perai di Pulau Pinang.

Aras Sederhana [6 markah]



2. (a) Terangkan ciri-ciri tanah tinggi di Semenanjung Malaysia.

Buku Teks  
ms. 60

Tanah tinggi di Semenanjung Malaysia berpunca dari Dataran Tinggi Yunan di pedalaman negara China yang merentasi Thailand dan menganjur dari utara ke selatan Semenanjung Malaysia. Banjaran gunung di Semenanjung Malaysia merupakan gunung lipat tua yang stabil. Banjaran Titiwangsa tinggi di utara dan manganjur semakin rendah ke selatan. Banjaran Titiwangsa merupakan ‘tulang belakang’ Semenanjung Malaysia.

Aras Sederhana [5 markah]

- (b) Jelaskan potensi tanah tinggi di Semenanjung Malaysia terhadap pembangunan negara.

Buku Teks  
ms. 68

Kawasan tanah tinggi di Semenanjung Malaysia mempunyai pemandangan yang menarik dan suhu yang nyaman. Hal ini menyebabkan kawasan tanah tinggi seperti Cameron Highlands di Pahang menjadi tarikan pelancong dan sesuai untuk kegiatan pelancongan. Kawasan tanah tinggi juga sesuai untuk penanaman tanaman hawa sederhana seperti sayur-sayuran dan bunga-bunga. Cameron Highlands di Pahang terkenal dengan ladang teh yang diusahakan secara besar-besaran. Kawasan tanah tinggi juga menerima hujan yang banyak dan sangat sesuai untuk penjanaan kuasa hidroelektrik. Contohnya, Empangan Temenggor di Perak.

Aras Tinggi [5 markah]

3. (a) Terangkan perbezaan antara Dataran Pantai Timur Sabah dengan Dataran Pantai Barat Sabah.

Buku Teks  
ms. 63

Dataran Pantai Timur Sabah adalah lebih luas berbanding Dataran Pantai Barat Sabah. Kawasan tanah pamah di pantai timur adalah lebih lebar dan sesuai untuk kegiatan pertanian seperti koko, getah dan kelapa sawit. Tanah pamah di Dataran Pantai Barat Sabah agak sempit dan terputus-putus kerana terbentuk di kaki Banjaran Crocker. Kawasan ini sesuai untuk kegiatan perindustrian seperti di Likas dan Kepayan.

Aras Sederhana [4 markah]

- (b) Mengapakah kawasan tanah pamah di pantai barat Semenanjung Malaysia lebih maju berbanding dengan pantai timur Semenanjung Malaysia?

Pantai barat Semenanjung Malaysia mempunyai jaluran tanah pamah yang lebih luas dan panjang. Kawasan ini diliputi oleh tanah aluvium yang subur dan sesuai untuk kegiatan pertanian, terutamanya penanaman padi. Pantai barat juga mempunyai taburan penduduk yang padat. Contohnya, Dataran Kedah-Perlis, Dataran Hilir Sungai Perak dan Dataran Selangor. Pantai timur Semenanjung Malaysia mempunyai jaluran tanah pamah yang terputus-putus, sempit dan berpasir. Walaupun kawasan ini diliputi tanah jenis aluvium dan subur untuk kegiatan pertanian, namun sering dilanda banjir pada musim tengkujuh dan merosakkan kawasan tersebut. Contohnya, Dataran Kelantan.

Aras Tinggi [6 markah]

(Terima jawapan murid yang sesuai untuk Bahagian B & C)



**BAB****13****Sisa Domestik****KUASAI Nota Pintas****»» 13.1 Jenis-jenis Sisa Domestik****Bahan Organik**

1. Mudah diuraikan dan dilupuskan
2. Dihasilkan dari sumber tumbuhan dan haiwan
3. Contoh: Perabot, sisa makanan, kertas, sisa kebun

**Bahan Bukan Organik**

1. Sukar diuraikan dan dilupuskan.
2. Dihasilkan dari sumber mineral (petroleum, bijih besi dan pasir)
3. Contoh: Besi, kaca, plastik, aluminium

**»» 13.2 Sisa-sisa Domestik di Malaysia**

<b>Sisa pepejal</b>	<b>Sisa cecair</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sisa makanan</li> <li>• Kertas</li> <li>• Plastik</li> <li>• Perabot</li> <li>• Peralatan elektrik</li> <li>• Sisa taman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minyak masak terpakai</li> <li>• Racun serangga</li> <li>• Air kumbahan</li> </ul>

**»» 13.3 Kesan-kesan Pembuangan Sisa Domestik di Malaysia**

1. Pencemaran alam sekitar
  - (a) Sisa domestik boleh mencemarkan tanah. Tanah tercemar tidak sesuai untuk menjalankan pertanian kerana bahan kimia boleh membunuh tumbuhan yang ditanam.
  - (b) Penyaluran terus sisa kumbahan domestik ke dalam sungai menyebabkan **bau busuk** serta perubahan warna.
  - (c) Pembakaran sisa domestik mengakibatkan **pencemaran udara**.
  - (d) Timbunan sampah yang tidak diurus dengan baik menyebabkan bau busuk.
2. Mengancam kesihatan manusia
  - (a) Pencemaran air akibat sisa cecair akan menyebabkan simptom seperti kebas, sakit kepala, kabur penglihatan dan pertuturan yang tidak betul jika air tersebut digunakan oleh manusia.
  - (b) Longgokan sisa pepejal menggalakkan pembiakan lalat, tikus dan lipas yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti **malaria** dan **taun**.
  - (c) Sisa domestik seperti tayar lama, botol plastik dan pasu menjadi tempat takungan air yang menggalakkan pembiakan nyamuk aedes. Nyamuk aedes membawa virus yang menyebabkan demam **denggi**.
3. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
  - (a) Kos penyelenggaraan tapak pelupusan semakin meningkat kerana peningkatan jumlah sisa domestik.

**4. Banjir kilat**

- (a) Pembuangan sisa domestik ke dalam parit dan sungai boleh menyekat aliran sungai dan menyebabkan longkang tersumbat.
- (b) Apabila hujan lebat, air tidak dapat mengalir dan melimpah keluar serta menyebabkan banjir.

**»» 13.4 Langkah-langkah Mengurangkan Kesan Pembuangan Sisa Domestik**

1. Pengurusan sisa domestik yang betul merupakan langkah yang terbaik untuk memastikan kesan pembuangan sisa domestik dapat dikurangkan.
2. Antaranya ialah **kONSEP 4R** dan **2C**, iaitu *rethink* (fikir semula), *reduce* (kurangkan), *reuse* (guna semula), *recycle* (kitar semula), *composting* (pengkomposan) dan *closing the loop* (melengkapkan kitaran sumber asli).
3. Pengendalian sisa domestik juga perlu diuruskan oleh satu organisasi yang beroperasi mengawal kebersihan kawasan alam sekitar agar menjana suasana yang bersih, selamat dan terkawal.
4. Untuk mencapai tahap pengendalian yang optimum, beberapa aspek perlu diambil kira. Contohnya:
  - (a) menggalakkan kitar semula bahan buangan
  - (b) pemungutan sisa domestik dilakukan bergantung kepada jumlah janaan sesebuah kawasan
5. Kaedah pengkomposan melibatkan kaedah semula jadi dalam menguraikan bahan-bahan organik seperti sisa makanan dan sisa kebun. Produk akhir daripada proses ini adalah **baja kompos** yang boleh digunakan untuk tumbesaran tumbuh-tumbuhan.
6. Kaedah baja kompos dapat menggunakan sepenuhnya sisa makanan dan sisa kebun sebagai baja daripada dihantar dan dilupuskan di tapak pelupusan.
7. Proses pengkomposan ini selalunya dilakukan di belakang rumah.
8. Kaedah **insinerator** boleh digunakan bagi merawat sisa-sisa yang tidak boleh dikitar semula, digunakan semula atau dilupuskan di tapak pelupusan.
9. Kaedah pemulihan merupakan satu kaedah yang mana sisa-sisa yang dibuang digunakan untuk membina produk-produk baharu dengan kepelbagaiannya.
10. Untuk mengatasi masalah pelepasan sisa cecair supaya tidak dilepaskan terus ke dalam sistem perparitan, maka perlu disediakan tangki takungan bawah tanah dan dirawat menggunakan bioteknologi.
11. Penggunaan teknologi terkini seperti loji *Waste to Energy* dapat mengurangkan sisa yang perlu dihantar ke tapak pelupusan sampah.

SP 5.2.1 Mengenal pasti jenis sisa domestik

1. Nyatakan kategori sisa domestik dalam foto di bawah. **TP1**



(a) Bahan organik




(b) Bahan bukan organik



(c) Bahan bukan organik



(d) Bahan organik



(e) Bahan bukan organik



(f) Bahan organik

2. Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan jawapan yang disediakan. **TP1**

**i-Think Peta Pokok**

Perabot Plastik	Sisa makanan Besi buruk	Daun Tin aluminium	Kertas Botol kaca
-----------------	-------------------------	--------------------	-------------------

**Jenis sisa domestik****Bahan organik**

Contoh:

Sisa makananDaunKertasPerabot**Bahan bukan organik**

Contoh:

Tin aluminiumPlastikBesi burukBotol kacaNota  
Jenis-jenis  
Sisa Domestik

3. Jelaskan ciri-ciri jenis sisa domestik di Malaysia. **TP2 TP3**

(a) Bahan organik

- Boleh diuraikan dan dilupuskan.

- Dihasilkan dari sumber tumbuhan dan haiwan.

(b) Bahan bukan organik

- Sukar diuraikan dan dilupuskan.

- Dihasilkan dari sumber mineral.

**Video  
Tutorial**Jenis-  
jenis Sisa  
Domestik


Cuba jawab Praktis Sumatif, Bhgn B, S1

SP 5.2.1



SP 5.2.2 Menjelaskan dengan contoh sisa domestik di Malaysia

4. Berikan contoh sisa domestik di Malaysia. **TP 1** **TP 2**



SP 5.2.2

SP 5.2.3 Membincangkan kesan pembuangan sisa domestik di Malaysia


5. Huraikan kesan-kesan pembuangan sisa domestik di Malaysia berdasarkan foto yang diberi. **TP 3 TP 4**

(a) **Pencemaran**



- Pembuangan sampah sarap ke dalam sungai menyebabkan pencemaran air sungai yang menjelaskan sumber air.
- Pembakaran sisa domestik di tapak pelupusan sampah menyebabkan pencemaran udara.
- Timbunan sampah sarap yang tidak diurus dengan baik menyebabkan pencemaran bau.

(b) **Wabak penyakit**



- Sisa pembuangan sampah yang tidak diurus dengan baik menjadi tempat penularan wabak penyakit yang disebarluaskan oleh haiwan seperti tikus, lalat dan lipas.
- Contoh wabak penyakit yang disebarluaskan oleh haiwan tersebut ialah penyakit taun, demam denggi, malaria, zika dan rotavirus.

(c) **Peningkatan kos penyelenggaraan**



- Pungutan sisa domestik yang semakin meningkat di kawasan perumahan menyebabkan peningkatan kos penyelenggaraan yang diuruskan oleh pihak kerajaan, khususnya pihak berkuasa tempatan.
- Kos penyelenggaraan melibatkan kos penyelenggaraan tapak pelupusan, baik pulih kemusnahan, perawatan air tercemar dan gaji pekerja pembersihan.

(d) **Banjir kilat**



- Pembuangan sampah sarap ke dalam longkang, parit dan sungai oleh penduduk yang tidak bertanggungjawab menyebabkan aliran air tersekat.
- Apabila hujan lebat, jumlah air akan meningkat secara mendadak sehingga menyebabkan banjir kilat berlaku.

Cuba jawab **Praktis Sumatif, Bhgn B, S2(b) & (c)**

SP 5.2.4 Menerangkan langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik

6. Jelaskan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik berdasarkan kata kunci yang diberi. **TP 4**

(a) Amalan 3R

Kata kunci: kurangkan, guna semula, kitar semula



**Nota**  
Langkah-langkah  
Mengurangkan Kesan  
Pembuangan Sisa  
Domestik



Penerapan amalan 3R, iaitu kurangkan, guna semula dan kitar semula dalam kalangan masyarakat dapat mengurangkan pembuangan sisa domestik.

---



---



---

(b) Penggunaan teknologi terkini

Kata kunci: *Waste to Energy*, mengurangkan sisa, mengurangkan pencemaran bau

Teknologi *Waste to Energy* mampu mengurangkan sisa yang perlu dihantar ke tapak pelupusan sehingga 85% dan mengurangkan pencemaran bau berbanding tapak pelupusan yang sedia ada.

---



---



---

(c) Penguatkuasaan undang-undang

Kata kunci: pihak berkuasa tempatan, denda dan hukuman, memberikan kesedaran

Pihak berkuasa tempatan telah menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan sisa domestik dengan mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat.

---



---



---

(d) Pendidikan

Kata kunci: penjagaan alam sekitar, Geografi dan Sains, aktiviti

Program pendidikan tentang penjagaan alam sekitar telah diterapkan dalam kalangan murid melalui mata pelajaran Geografi dan Sains. Pelbagai aktiviti dilaksanakan di sekolah bagi memupuk kesedaran.

---



---



---

(e) Kempen

Kata kunci: pelbagai kempen, agensi kerajaan, media sosial

Pelbagai kempen dijalankan oleh agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan orang perseorangan melalui pelbagai media sosial. Jabatan Alam Sekitar menjalankan Kempen Kesedaran Alam Sekitar, Kempen 3R dan Kempen Cintai Sungai Kita.

---



---



---

Cuba jawab **Praktis Sumatif**, Bhgn B, S1(d) & S2(d)

SP 5.2.4

7. Jelaskan jenis sisa domestik, kesan pembuangan dan langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara bijaksana di kawasan setempat. **TP 5 KBAT Menganalisis / Mencipta**

AKTIVITI PAK-21

Kajian Kes

**Tajuk:** Langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik secara bijaksana

**Alatan:** Borang temu bual, alat tulis, kertas sebak

**Langkah-langkah:**

1. Bahagikan kelas kepada empat hingga lima orang dalam satu kumpulan.
2. Setiap kumpulan memilih atau mengenal pasti kawasan kajian sama ada di persekitaran sekolah atau tempat tinggal.
3. Kumpul maklumat yang diperlukan melalui pelbagai kaedah seperti tinjauan, pemerhatian, temu bual penduduk dan pihak berkuasa tempatan mengenai tindakan untuk mengatasi masalah pembuangan sisa domestik.

Contoh borang maklumat:

<b>Kawasan kajian</b>	
<b>Jenis sisa domestik</b>	
<b>Contoh sisa domestik</b>	
<b>Langkah-langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik</b>	(a) Penduduk setempat: (b) Pihak berkuasa tempatan (PBT): (c) Cadangan murid:



Info



Kepentingan Pengasingan Sisa-sisa Pepejal kepada Kesihatan Awam

4. Tulis satu laporan hasil kajian menggunakan maklumat-maklumat yang diperoleh.
5. Laporan mestilah ringkas, jelas, menarik dan mudah difahami.
6. Bentangkan hasil kajian setiap kumpulan di hadapan kelas.
7. Murid-murid akan menilai hasil kajian setiap kumpulan.

8. Hasilkan idea yang kreatif, inovatif dan boleh dicontohi sebagai amalan pengurusan sisa domestik secara bijaksana. **TP 6 KBAT Mencipta**

AKTIVITI PAK-21

Team Project

**Tajuk:** Amalan pengurusan sisa domestik secara bijaksana

**Alatan:** Kertas A4 (warna warni), alat tulis, bahan hiasan

**Langkah-langkah:**

1. Bahagikan kelas kepada empat hingga lima orang dalam satu kumpulan.
2. Setiap kumpulan memilih salah satu daripada senarai jenis sisa domestik yang berikut:
 

(a) Kotak air minuman	(d) Cawan kertas/polistirena
(b) Botol plastik	(e) Kain buruk/kain terpakai
(c) Tin aluminium	(f) Kad bod tebal
3. Setiap kumpulan dikehendaki:
  - (a) Sediakan risalah mengenai idea atau cara untuk menguruskan sisa domestik yang dipilih
  - (b) Kemudian, hasilkan produk baharu daripada sisa domestik berkenaan
4. Salinan risalah berkenaan diedarkan kepada murid-murid lain.
5. Pamerkan produk yang dihasilkan di dalam kelas dan disimpan di Sudut Geografi.



Aplikasi KBAT





# PRAKTIS REFLEKSI Bab 13

eP+ Praktis Ekstra  
Bab 13



1. Senaraikan sisa domestik mengikut kategori yang **betul**.

Besi buruk	Sisa makanan	Kaca
Sisa kebun	Kertas	Plastik

Bahan organik	Bahan bukan organik
(a) Sisa kebun	(a) Plastik
(b) Sisa makanan	(b) Besi buruk
(c) Kertas	(c) Kaca

2. Tuliskan **(P)** pada sisa pepejal dan **(C)** pada sisa cecair.

(a) Minyak masak	<input type="checkbox"/> C	(e) Kumbahan	<input type="checkbox"/> C
(b) Botol kicap	<input type="checkbox"/> P	(f) Tin minuman	<input type="checkbox"/> P
(c) Kulit pisang	<input type="checkbox"/> P	(g) Air basuhan	<input type="checkbox"/> C
(d) Surat khabar	<input type="checkbox"/> P	(h) Perabot	<input type="checkbox"/> P

3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang **betul**.

- (a) Tikus dan lalat menyebabkan penularan wabak penyakit seperti taun dan malaria.
- (b) Nyamuk yang membiak dalam bekas tabungan air seperti tayar lama boleh menyebabkan demam denggi.
- (c) Pembuangan sisa domestik ke dalam longkang dan sungai boleh menyebabkan kejadian banjir kilat.
- (d) Pembakaran sisa domestik di tapak pelupusan sampah menyebabkan pencemaran udara.
- (e) Peningkatan jumlah pembuangan sisa domestik akan meningkatkan kos penyelenggaraan pihak berkuasa tempatan.
- (f) Sumber air tercemar apabila sisa domestik dibuang ke dalam sungai.
- (g) Timbunan sampah yang tidak diurus dengan baik menyebabkan pencemaran bau.

4. Tandakan **(✓)** pada langkah mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik.

- (a) Penciptaan pinggan mangkuk daripada ubi kayu bagi menggantikan pinggan polistirena.
- (b) Rawatan air kumbahan.
- (c) Meneroka air bawah tanah.
- (d) Menggunakan semula bekas minuman dan surat khabar.
- (e) Penghasilan baja kompos daripada sisa makanan di rumah.
- (f) Penjagaan dan pengekalan kawasan tadahan hujan.


5. Senaraikan kempen-kempen yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengurangkan kesan pembuangan sisa domestik.

- (a) Kempen 3R
- (b) Kempen Kesedaran Alam Sekitar
- (c) Kempen Cintai Sungai Kita

# KUASAI UASA

## PRAKTIS SUMATIF

### BAHAGIAN A

### PRAKTIS SUMATIF

1. Antara yang berikut, yang manakah sisa organik?

- A** Tin aluminium
- B** Tayar terpakai
- C** Botol plastik
- D** Surat khabar

**Aras Rendah**

2. Pernyataan yang manakah benar tentang sisa bukan organik?

- A** Mudah diuraikan
- B** Sukar dilupuskan
- C** Dihasilkan dari tumbuhan
- D** Terhasil dari kepelbagai fauna

**Aras Rendah**

3. Antara yang berikut, yang manakah sisa cecair?

- A** Botol kaca
- B** Surat khabar
- C** Minyak masak
- D** Lampin pakai buang

**Aras Rendah**

4. Apakah kesan pembuangan sisa domestik terhadap manusia?

- A** Penularan wabak penyakit
- B** Perubahan tekstur tanah
- C** Peningkatan suhu
- D** Kematian ikan

**Aras Sederhana**

5. Foto 1 menunjukkan sejenis haiwan yang menyebarkan wabak penyakit pembuangan sisa domestik terhadap alam sekitar.



Foto 1

Apakah wabak penyakit yang disebarluaskan oleh haiwan dalam foto di atas?

- A** Demam campak
- B** Demam denggi
- C** Penyakit HIV
- D** Malaria

**Aras Sederhana**

6. Bagaimanakah peningkatan sisa domestik menyebabkan banjir kilat berlaku?

- A** Pembuangan sampah ke dalam longkang menyekat aliran air
- B** Tapak pelupusan sampah berhampiran dengan sungai
- C** Hujan lebat mengalirkan sisa cecair ke dalam sungai
- D** Timbunan sisa domestik di tepi jalan raya

**Aras Sederhana**

7. Foto 2 menunjukkan kempen yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.

**Buku Teks**  
ms. 150



Foto 2

Poster di atas berkaitan dengan amalan 3R, iaitu

- A** guna semula
- B** fikir semula
- C** kitar semula
- D** kurangkan

**Aras Sederhana**

8. Amalan 3R yang dapat diterapkan dalam gaya hidup lestari ialah

- A** membuang sisa dapur ke dalam tong sampah
- B** membawa bekas makanan sendiri
- C** menggunakan beg plastik
- D** membakar sisa kebun

**Aras Sederhana**

9. Langkah yang manakah dapat mengurangkan pembuangan sisa domestik di Malaysia?

- I Amalan 3R
- II Pembakaran terbuka
- III Penggunaan polistirena
- IV Pengasingan sisa di punca
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

**Aras Sederhana**



## BAHAGIAN B

1. (a) Nyatakan kategori sisa domestik.

Buku Teks  
ms. 146

Bahan organik

Bahan bukan organik

Aras Rendah [2 markah]

- (b) Senaraikan contoh sisa bukan organik.

Buku Teks  
ms. 146

Botol plastik

Besi buruk

Tin aluminium

Aras Rendah [3 markah]

- (c) Foto 1 menunjukkan sejenis sisa domestik.

Buku Teks  
ms. 146



Foto 1

Berikan ciri-ciri sisa tersebut.

Sukar diuraikan dan dilupuskan.

Dihasilkan dari sumber mineral.

Aras Sederhana [2 markah]

- (d) Pada pandangan anda, apakah cara untuk mengurangkan pembuangan sisa domestik di Malaysia?

Buku Teks  
ms.  
150-151

Mengurangkan penggunaan barang pakai buang

Mengitar semula barang terbuang

Mendermakan buku-buku dan pakaian yang tidak digunakan

Aras Sederhana [3 markah]

Petikan di bawah tentang pembuangan sisa domestik di Malaysia.

### Rakyat Malaysia hasil 37,890 tan sisa setiap hari

Jun 16, 2019

PUTRAJAYA: Rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 37,890 tan sisa setiap hari dengan sekurang-kurangnya 1.17 kilogram (kg) dijana bagi setiap individu.

(Sumber: bharian.com.my)

2. (a) Berikan contoh sisa pepejal yang dijana oleh setiap individu.

Buku Teks  
ms. 147

Sisa makanan

Plastik dan kertas

Aras Rendah [2 markah]

- (b) Jelaskan **tiga** kesan pertambahan sisa domestik terhadap alam sekitar dan manusia.

Buku Teks  
ms.  
148-149

Pencemaran air akibat pembuangan sampah sarap ke kawasan sumber air.

Pencemaran udara akibat pembakaran sisa pepejal di tapak pelupusan sampah.

Penularan wabak penyakit seperti malaria, taun, zika dan rotavirus.

Aras Sederhana [3 markah]

- (c) Apakah haiwan yang suka berada di tempat pembuangan sampah sarap?

Buku Teks  
Tikus  
ms. 148

Lalat / Lipas

Aras Rendah [2 markah]

- (d) Terangkan amalan 3R yang dapat mengurangkan pembuangan sisa domestik di Malaysia.

Gunakan beg guna semula semasa membeli-belah.

Hasilkan baja kompos daripada sisa makanan atau sisa dapur.

Guna semula bekas minuman untuk menyimpan barang.

[3 markah]

## BAHAGIAN C

1. (a) Mengapa berlakunya peningkatan pembuangan sisa domestik di Malaysia?

Sikap penduduk yang tidak bertanggungjawab, suka membuang sampah tanpa mengasingkan sisa di punca menyebabkan peningkatan sisa domestik. Pembaziran makanan kerana pembelian makanan secara berlebihan atau lebihan makanan dalam sesuatu majlis atau kenduri juga menyumbang kepada peningkatan pembuangan sisa domestik. Pertambahan penduduk yang pesat dengan kuasa beli yang tinggi turut menyebabkan peningkatan pembuangan sisa domestik di Malaysia.

Aras Tinggi [5 markah]

- (b) Poster di bawah berkaitan dengan pengasingan sisa di punca.



Nyatakan **lima** kepentingan pengasingan sisa di punca.

Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan.

Membantu meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan.

Mengelakkan pembuangan bahan yang boleh kitar semula.

Mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal.

Mengurangkan pencemaran air, udara dan bau serta kemerosotan alam sekitar.

(Terima jawapan murid yang sesuai untuk Bahagian B & C)

Aras Sederhana [5 markah]

Kuiz Gamifikasi



Bab 13



# PANDUAN KERJA LAPANGAN

## Pelaksanaan Kerja Lapangan

1. Kerja Lapangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Geografi Tingkatan 1 merupakan salah satu komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang wajib dilaksanakan oleh setiap murid dalam Tingkatan 1.
2. Tahap Penguasaan (TP) keseluruhan murid direkodkan dalam Templat Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan skor keseluruhan murid yang mewakili 20% daripada markah keseluruhan Ujian Akhir Sesi Akademik.
3. Kerja lapangan dilaksanakan bagi membolehkan murid:
  - (a) mengenal pasti isu atau tajuk yang berkaitan geografi di lapangan
  - (b) menghuraikan saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar di lapangan
  - (c) mengaplikasi kemahiran yang telah dipelajari di lapangan
  - (d) memberi pendapat atau idea secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah
  - (e) menzahirkan sikap kerjasama dan saling menghormati
  - (f) mensyukuri, mencintai dan berbangga sebagai rakyat Malaysia
  - (g) menjalankan tugas mengikut prosedur
4. Kerja lapangan boleh dilaksanakan oleh murid secara individu atau berkumpulan.
5. Laporan bertulis atau bertaip kerja lapangan hendaklah dibuat secara individu oleh murid dalam masa enam jam waktu PdP di sekolah.
6. Tempoh pelaksanaan kerja lapangan bermula dari bulan September hingga Oktober tahun semasa (bergantung kepada sekolah).
7. Murid dilarang meniru, menyalin atau memplagiat hasil laporan daripada mana-mana sumber.

## Proses Melaksanakan Kerja Lapangan

### 1. Menentukan Isu atau Tajuk

Guru berbincang dengan murid untuk menentukan isu atau tajuk kerja lapangan. Isu atau tajuk yang dipilih hendaklah berkaitan dengan kurikulum Geografi yang dipelajari. Murid diberi peluang untuk menentukan isu atau tajuk yang sesuai.

### 2. Menentukan Objektif

Murid hendaklah menentukan objektif kajian yang hendak dilaksanakan dalam kerja lapangan. Guru membimbing murid menulis objektif kajian.

### 3. Menentukan Kaedah Kajian

Murid hendaklah menentukan kaedah kajian yang sesuai untuk melaksanakan kerja lapangan. Murid boleh menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

### 4. Mengumpul, Merekod dan Menganalisis Data atau Maklumat

Murid boleh mengumpul data atau maklumat melalui soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data atau maklumat yang dikumpul hendaklah direkod dan dianalisis.

### 5. Merumus dan Membuat Pelaporan

Murid hendaklah membuat rumusan tentang isu atau tajuk yang dikaji berdasarkan data atau maklumat yang diperoleh dan satu laporan kerja lapangan hendaklah dihasilkan.

Format asas penulisan laporan kerja lapangan hendaklah mengandungi perkara berikut:

- (a) Penghargaan
- (b) Pendahuluan
- (c) Objektif kajian
- (d) Kawasan kajian
- (e) Kaedah kajian
- (f) Hasil kajian
- (g) Rumusan
- (h) Rujukan

<b>Perancangan jadual kerja</b>	Membuat jadual perancangan kerja.
<b>Isu atau tajuk kajian</b>	Memilih isu atau tajuk daripada mana-mana tema yang ditetapkan dalam kurikulum Geografi.
<b>Kawasan kajian</b>	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kawasan kajian untuk tajuk kajian.
<b>Objektif kajian</b>	Bermula dengan kata kerja seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal pasti...</li> <li>• Mengkaji...</li> <li>• Mencadangkan...</li> <li>• Mengelaskan...</li> <li>• Menghuraikan...</li> <li>• Membandingkan...</li> </ul>
<b>Kaedah kajian</b>	Memilih kaedah kajian yang sesuai: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian</li> <li>• Temu bual</li> <li>• Soal selidik</li> <li>• Rujukan</li> </ul>
<b>Hasil kajian</b>	(a) Murid perlu menerangkan maksud kajian, punca-punca dan kesan-kesan. (b) Murid perlu mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Borang soal selidik tersebut perlu dilampirkan sebagai bahan bukti. (c) Murid perlu membuat analisis data dan maklumat yang diperoleh daripada soal selidik. Analisis perlu dilakukan bagi memastikan data tersebut disusun mengikut kriteria yang diinginkan. (d) Murid boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk menganalisis data dan maklumat seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jadual</li> <li>• Peta i-THINK</li> <li>• Gambar foto</li> <li>• Gambar rajah</li> <li>• Graf / Carta pai</li> <li>• Rajah aliran</li> </ul> (e) Murid boleh memberikan cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi berdasarkan tajuk kajian. (f) Murid perlu menulis rumusan dan laporan berdasarkan kajian yang dijalankan pada kertas bersaiz A4 berdasarkan format seperti di bawah. (g) Penilaian kerja lapangan merangkumi proses awal, perancangan kerja dan laporan akhir.
<b>Rujukan</b>	Rujukan perlu disertakan dan mengikut format terkini.
<b>Lampiran</b>	Senarai lampiran: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat makluman kepada ibu bapa / penjaga</li> <li>• Surat akuan diri murid</li> <li>• Surat perakuan murid tentang keaslian kajian</li> <li>• Borang soal selidik</li> </ul>

**Contoh Laporan Kerja Lapangan**

[http://plus.pelangibooks.com/  
Resources/KuasaiPBD/GeografiT1/  
LaporanKerjaLapangan.pdf](http://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/GeografiT1/LaporanKerjaLapangan.pdf)

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

**Masa:** Dua jam

**Bahagian A**

[20 markah]

Jawab semua soalan.


1. Foto 1 menunjukkan alat telekomunikasi.



Foto 1

Di lapisan atmosfera yang manakah terdapat alat telekomunikasi tersebut?

- A Eksosfera
  - B Mesosfera
  - C Troposfera
  - D Termosfera
2. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan lapisan biosfera?
- A Kawasan sumber air
  - B Kawasan tanah tinggi
  - C Pelbagai sumber mineral
  - D Kepelbagaian flora dan fauna
3. Rajah 1 menunjukkan lapisan struktur bumi.




Rajah 1

Sima terletak di lapisan struktur bumi yang bertanda

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>A I</li> <li>B II</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>C III</li> <li>D IV</li> </ul> |
|---|---|
4. Antara yang berikut, yang manakah benua terbesar di dunia?
- A Benua Asia
  - B Benua Afrika
  - C Benua Antartika
  - D Benua Australia

5. Rajah 2 menunjukkan kesan pergerakan bumi.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan pembentukan muka bumi tersebut?

- A Aliran sungai
- B Proses hakisan
- C Kuasa mampatan
- D Letusan gunung berapi

6. Foto 2 menunjukkan kawasan pinggir laut di Malaysia.



Foto 2

Apakah bentuk muka bumi yang bertanda X?

- A Tebing tinggi
- B Pentas benua
- C Tanjung
- D Teluk

7. Apakah tasik semula jadi terbesar di Malaysia?

- A Tasik Loagan Bunut
- B Tasik Temenggor
- C Tasik Chini
- D Tasik Bera


8. Pernyataan yang manakah benar tentang ciri sungai di peringkat hilir?

- A Pemendapan sungai berlaku
- B Air mengalir dengan deras
- C Lurah sungai yang sempit
- D Likuan sungai terbentuk



**Bahagian B**  
[40 markah]  
*Jawab semua soalan.*

**Soalan 1** berdasarkan peta lakar di bawah.



1. (a) Berikan **dua** ciri peta lakar berdasarkan Peta Lakar Pekan Melor.

Tajuk / Pemidang

Simbol / Arah mata angin

[2 markah]



**Bahagian C**

[20 markah]

Jawab dua soalan.

1. (a) Jelaskan kepentingan kawasan gunung berapi terhadap penduduk setempat.

Kawasan gunung berapi menggalakkan aktiviti pertanian kerana lava bes yang subur sesuai untuk kegiatan penanaman padi dan kapas. Kawasan gunung berapi juga menggalakkan aktiviti pelancongan kerana wujud tasik kawah, penara basalt dan kaldera di kawasan gunung berapi. Selain itu, kawasan gunung berapi membekalkan sumber tenaga alternatif seperti tenaga geotermal serta menggalakkan aktiviti perlombongan seperti batuan igneus.

[5 markah]

- (b) Terangkan kesan negatif letusan gunung berapi terhadap manusia.

Letusan gunung berapi boleh menyebabkan nyawa manusia terkorban kerana terkena aliran lava. Letusan gunung berapi juga menyebabkan kemusnahaan kemudahan infrastruktur seperti bangunan musnah serta jalan raya rosak, saluran paip bekalan air bersih terjejas dan wayar elektrik terputus. Kawasan tanaman turut musnah serta menyebabkan sumber makanan berkurangan.

[5 markah]

2. (a) Mengapa kebanyakan petempatan bandar utama di Malaysia terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia?

Kebanyakan petempatan bandar utama di Malaysia terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia kerana bentuk muka buminya yang lebih rendah dan rata sesuai untuk pelbagai kegiatan ekonomi dan memudahkan pembinaan petempatan. Kemudahan pengangkutan yang cekap seperti adanya jalan raya, lebuh raya, lapangan terbang serta kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik menjadi tarikan penduduk sehingga banyak kawasan menjadi bandar. Peluang pekerjaan yang banyak dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan menggalakkan penghijrahan penduduk kawasan lain ke negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia.

[6 markah]

- (b) Terangkan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mengurangkan kesan tumpuan penduduk yang padat terhadap alam sekitar dan manusia.

Antara langkah yang boleh diambil ialah menanam tanaman hijau untuk menyederhanakan suhu kerana pokok membebaskan oksigen dan menyerap gas karbon dioksida melalui proses fotosintesis. Amalan kitar semula bahan buangan seperti kertas, plastik, aluminium dan besi untuk mengurangkan penggunaan sumber dapat mengurangkan pembuangan sisa domestik di kawasan tumpuan penduduk. Amalan penggunaan pengangkutan awam dapat mengurangkan pencemaran udara.

[4 markah]